

Aspek pengurusan mampu pacu MAB

INDUSTRI penerbangan di dunia semakin berkembang pesat seiring dengan keperluan masyarakat pada masa ini.

Ia boleh dilihat dengan pertambahan syarikat-syarikat penerbangan dan lapangan terbang di seluruh dunia.

Dalam kepesatan itu, industri penerbangan tempatan telah terpalit detik hitam selepas dua kejadian buruk berlaku ke atas pesawat syarikat penerbangan, Malaysia Airlines (MAS).

Pesawat MH370 dipercayai terhempas di Lautan Hindi ketika



SHAHRUL NAZMI

penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur menuju ke Beijing, China pada 8 Mac 2014.

Pada 17 Julai 2014, penerbangan MHI7 dari Amsterdam, Belanda ke Kuala Lumpur pula terhempas di Torez, Ukraine.

Rentetan itu, pelbagai perubahan telah dilakukan oleh MAS termasuk menjenamakan semula sebagai Malaysia Airlines Bhd. (MAB).

Terbaharu, syarikat terbabit telah melantik Kapten Izham Ismail sebagai Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif

Kumpulan.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sosial, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Shahrul Nazmi Sannusi berkata, pelantikan tersebut sangat wajar bagi memulihkan reputasi MAB. Jelasnya, pelantikan Izham yang berpengalaman luas dalam industri penebangan tempatan mampu memacu kembali MAB menjadi syarikat penerbangan yang disegani di rantau Asia.

"Secara peribadi, ia satu tindakan bijak dan tepat oleh MAB kerana melantik seorang anak tempatan yang berpengalaman luas.

"Saya yakin, Izham mempunyai

agenda perubahan tersendiri bagi memastikan MAB terus bersaing dengan syarikat-syarikat penerbangan lain," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Menurut Shahrul Nazmi, antara perubahan yang perlu dilakukan dalam MAB termasuklah aspek pengurusan organisasi.

Katanya, perubahan tersebut perlu dilakukan memandangkan MAB perlu bersaing dengan syarikat-syarikat penerbangan tambang murah.

"Dengan perubahan ini, saya yakin MAB akan bangkit. Lagi pula, permintaan terhadap penerbangan di negara ini kian meningkat dari tahun ke tahun," katanya.